

Teguran Dr Mahathir,

BM 21 JUN 2002

Oleh Kadir Dikoh

SEGALANYA sudah diungkapkan, segalanya sudah didedahkan. Melayu mudah lupa, "Melayu Haprak".

Kali ini "Melayu Belum Selamat" dan inilah inti pati ucapan dasar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada majlis pembukaan Perhimpunan Agung 2002 yang bermula semalam.

Mungkin perwakilan agak terkejut apabila Presiden Umno langsung tidak menyentuh isu mengenai kuota 10 peratus kemasukan bukan Bumiputera ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan penggunaan bahasa Inggeris bagi pengajaran Sains dan Matematik yang hangat diperkatakan sebelum ini, termasuk pada Perhimpunan Agung Pemuda dan Wanita kelmarin.

Ini mungkin boleh diandai-

kan bahawa isu itu sudah selesai dan tidak perlu disentuh dalam ucapan dasar, yang kandungannya dikupas oleh perwakilan ketika membahaskan usul terima kasih ucapan Presiden.

Presiden Umno sebaliknya mendedahkan kelemahan orang Melayu, meskipun kelemahan itu bukan perkara baru, malah diketahui umum. Namun, apa yang dinyatakan itu adalah bagi mengajak bukan saja perwakilan, malah seluruh umat Melayu di Malaysia tanpa mengira ideologi politik mereka memikirkannya dengan serius.

Memang masalah Melayu tiada penyelesaian konkrit yang boleh dilakukan oleh kerajaan melainkan orang Melayu sendiri mengubah cara hidup, budaya kerja, pemikiran dan tidak mengambil jalan mudah.

Ingatan bahawa "Melayu Be-

Analisis

lum Selamat", bukan satu ancaman dan orang Melayu harus menerima hakikat sebenar dalam kehidupan ini bahawa mereka bukan saja belum menjadi individu yang gagah tetapi tidak sanggup menghadapi persaingan walaupun sedikit.

Malah, Perdana Menteri berkata, mereka begitu takut kepada kaum lain. Justeru, jika perlindungan politik terhadap orang Melayu sekarang tiba-tiba hilang, mereka tidak mungkin 'survive'.

Jika bukan Dr Mahathir, siapa lagi yang harus menegur orang Melayu? Sebagai seorang pemimpin disegani, kepentingan politik peribadi atau ingin mencari populariti tidak lagi berada

Melayu lemah wajar diberi perhatian

dalam kamus beliau. Sebaliknya, beliau meletakkan kepentingan negara dan bangsa di atas segala-galanya.

"Apakah saya sebagai pemimpin hanya dikehendaki mengikut saja, untuk menjadi popular dengan orang yang menjadi penyokong? Tidak ada maknalah jika pemimpin menjadi pengikut, dan membisu apabila melihat pengikut membuat atau menuntut benda yang salah, yang akan merosakkan semua, pemimpin dan pengikut," kata Dr Mahathir dalam ucapan itu yang bertema "Mendedah Yang Terbuka".

Namun, apa yang menyedihkan sekarang ialah tindak-tanduk parti pembangkang, khususnya Pas yang dianggap sesetengah pihak sebagai penghalang kemajuan orang Melayu.

Sekurang-kurangnya, parti

pembangkang boleh bersama Umno apabila menghadapi musuh bersama. Baru-baru ini, pemimpin kedua-dua parti itu mampu bersemuka dalam syarahan perdana mengenai isu Palestin. Dr Mahathir dan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor duduk di pentas yang sama di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Apakah Umno dan Pas, tidak boleh untuk terus duduk semeja selepas ini yang membatalkan kepentingan orang Melayu dan Islam?

Pada zaman Jahiliah, kabilah Arab berperang sesama mereka kerana mereka adalah musuh antara satu sama lain. Kenapa mereka bermusuhan tidak lagi diingati atau diketahui oleh mereka. Yang utama ialah mereka musuh dan jika berjumpa, mereka mesti berperang, mesti membunuh.

Kabilah Arab Jahiliah ini cuma berhenti berperang apabila diislamkan oleh Rasulullah. Sebagai penganut agama Islam, mereka bersatu padu dan mereka berjaya akhirnya mendirikan empayar terbesar yang kekal selama 1,300 tahun.

Apakah kita tidak mengambil iktibar daripada peristiwa itu?

"Inilah keadaan yang kita lihat di kalangan orang Melayu sekarang. Politik yang tidak rasional, politik benci sudah menular sehingga menghancurkan nilai yang mulia yang diajar oleh agama Islam seperti bersyukur, berterima kasih, bersaudara sesama Islam dan lain-lain," kata Dr Mahathir dalam ucapan itu.

Segala apa yang diungkapkan oleh Perdana Menteri itu harus direnungi semua bukan saja oleh ahli Umno, malah Pas sebagai parti yang mendakwa me-

wakili umat Islam di negara ini.

Pas harus ingat, andainya Umno tewas, tidak semestinya Pas yang berkuasa di negara ini. Orang Melayu keseluruhannya juga harus ingat kuasa orang Melayu dalam arena politik tidak akan kekal selama-lamanya, akan menjamin keselamatan orang Melayu sampai bila-bila.

Kita bimbang, jika segala kuasa orang Melayu hilang, orang Melayu akan kembali ke zaman mereka dijajah dulu, miskin, tidak berpelajaran dan dihina oleh sesiapa saja.

Perhimpunan Agung Umno kali ini juga mencatat sejarah apabila ia meluluskan cadangan pindaan perlembagaan Umno bagi mengesahkan kewujudan Puteri Umno, sayap muda yang bakal menjadi harapan Umno.